

**PENGHAYATAN PELAJAR TERHADAP NILAI ISLAM DALAM KALANGAN
PELAJAR MALAYSIAN AVIATION TRAINING ACADEMY (MATA), KUANTAN**
(Understanding and Practicing Islamic Values among Students of Malaysian Aviation Training
Academy [MATA], Kuantan)

*Annasaii Jamar¹, Fatin Nazmin Mansor², Mohd Aderi Che Noh³

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

³Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email: annasaii@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 26 March 2020

Accepted: 15 April 2020

Revised: 26 June 2020

Published: 29 June 2020

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 4, No. 1(2020), 48-58

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysian Aviation Training Academy. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Seramai 169 orang pelajar yang mengikuti kursus lesen kejuruteraan pengendalian pesawat (Cat B1.1) dan kursus lesen juruteknik pengendalian pesawat (Cat A1.1) melalui teknik persampelan bertujuan-rawak mudah terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman terhadap nilai Islam berada pada tahap tinggi. Namun begitu, tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam berada pada tahap sederhana. Implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa pendidik perlulah mempratikkan pendekatan dan kaedah didikan yang inovatif selaras dengan perkembangan strategi pembelajaran abad ke-21 untuk membangunkan sahsiah pelajar yang baik.

Kata kunci: Kefahaman, pengamalan, nilai Islam, kolej swasta.

Abstract

This study aims to identify the level of understanding and practicing Islamic values among students of Malaysian Aviation Training Academy. This study is in the form of a survey using adapted questionnaires that have been certified by two expert assessors in history education field whom are experienced and have good reliability value. A total of 169 students currently studying Aircraft Engineering License Course (Cat B 1.1) and Aircraft Technician License Course (Cat A 1.1) were involved in this study selected through simple - random sampling technique. The finding of the study showed that the level of understanding on Islamic values is at high level. However, the level of Islamic values practices among students is at moderate level. The implication of this study have suggested that educators should exhibit innovative approaches and methods in line with the development of 21st century learning strategies to develop good personality among students.

Keywords: understanding, practicing, Islamic values, private college.

1.0 PENGENALAN

Peranan Pendidikan Islam bukan sekadar mencurahkan ilmu pengetahuan, malah membentuk peribadi pelajar yang unggul bersandarkan ajaran Islam untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Kertas kerja ini memaparkan hasil kajian yang dilakukan terhadap penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap penghayatan nilai Islam pelajar di institusi berkenaan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hasil kajian ini dapat memberi input bagi penambahbaikan dan memantaapkan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib diajar kepada pelajar Muslim dalam sistem persekolahan di Malaysia. Hal ini selaras sebagaimana yang terkandung dalam akta Pendidikan 1996 bab 10 Pengajaran agama di Institusi Pendidikan menyebut jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pendidikan Islam menekankan kepada kefahaman dan penghayatan terhadap akidah dan kepercayaan dalam Islam, pelaksanaan ibadat- ibadat khusus dan umum serta memberikan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap Pencipta, manusia dan alam (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2006). Hal ini selaras dengan matlamat pendidikan Islam yang bertujuan untuk melahirkan manusia yang bertanggungjawab kepada Allah SWT, manusia dan alam ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat (Ghazali Darussalam dan Sufean Husin 2018). Matlamat tersebut dapat dicapai sekiranya pendidikan Islam yang diajar mampu membentuk keperibadian yang baik iaitu insan yang *kamil* (Al-Attas 1984). Pengajaran dan pembelajaran berkaitan nilai Islam diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Semestinya, pembelajaran berkaitan nilai Islam bukan sahaja berkisar teori semata-mata. Hal ini memerlukan kepada pengajaran berbentuk amali. Dalam usaha memperbaiki dan memperkemas Pendidikan Islam di pusat pengajian, Kementerian memberi arahan supaya pelajar mestilah diberi penekanan dalam bentuk amali seperti latihan amalan-amalan harian yang merupakan perkara keimanan dan ibadah harian seperti solat, puasa, akhlak. (Abdullah Ishak 1995). Penekanan oleh kerajaan terhadap pembentukan nilai Islam pelajar dapat dilihat melalui pekeliling yang dikeluarkan untuk meningkatkan sahsiah pelajar. Dalam keadaan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia mengarahkan semua pusat pengajian menerusi surat pekeliling iktisad bil. 8A/1976 supaya menerapkan nilai yang murni bagi membentuk nilai sahsiah, jati diri dan disiplin. Jelas menunjukkan bahawa, usaha memantapkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam amnya dan kefahaman dan pengamalan nilai Islam khususnya sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini terdapat dua permasalahan yang dikenal pasti. Pertama, tahap kefahaman pelajar tidak mencapai tahap yang memuaskan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Kedua, tahap pengamalan nilai Islam dalam kalangan pelajar di Malaysian Aviation Training Academy masih belum mencapai tahap pengamalan yang tinggi berikutan dengan peningkatan masalah disiplin di kolej tersebut.

Pendidikan Islam ialah suatu proses bimbingan dari pendidik terhadap perkembangan jasmani, rohani dan akal pelajar ke arah terbentuknya peribadi muslim yang baik (A. Mustafa 1999). Menurut Zakiah Daradjat (1992), Pendidikan Islam adalah pembentukan peribadi Muslim yang merupakan pendidikan iman dan amal. Mata pelajaran Pendidikan Islam adalah satu mata pelajaran yang bersifat hidup merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Pendidikan Islam bukanlah satu subjek yang wajib semata-mata tetapi yang lebih utama adalah untuk membentuk peribadi insan (Zaharah 1997). Berdasarkan realiti yang berlaku sekarang, pelajar tidak mengamalkan sepenuhnya teori yang dipelajari dalam Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian. Menurut Mohd @ Mohamed (2000) pelajar masih gagal menterjemahkan teori agama yang dipelajari dan difahami menjadi sesuatu yang praktikal dan amalan hidup. Malah sesetengah pelajar cuba mengelakkan diri dari ajaran agama dan penghayatan Islam dalam kalangan pelajar semakin longgar (Fauzi 2003).

Beberapa kajian yang telah dilakukan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mendapati kefahaman dalam kalangan pelajar di peringkat tersebut masih ditahap yang tidak memuaskan. Kajian Mohd @ Mohamed (2000) mengemukakan kelemahan aspek penghayatan Islam dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta merupakan fenomena yang cukup ketara. Terdapat juga kajian lepas mendapati tahap kefahaman yang berkaitan nilai Islam masih di tahap lemah (Ahmad Diniah, 1995; Asmahan, 2009) 58% pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Seri Kartini, 2013) dan terdapat 62% pelajar kurang menguasai pengetahuan asas agama Islam (Hasna Bidin, 2016 ; Nur Faridah, 2016; Nor Hayati 2017). Kajian lepas berkaitan pengamalan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap nilai Islam juga masih kurang memuaskan dalam aspek pengamalan terhadap amalan-amalan yang Islam, terdapat 80% sampel kajian yang masih tidak konsisten solat fardu (Seri Kartini, 2013), 75% pelajar yang kadangkala-kadang membaca al-Quran (Mohd Ashraf, 2010) 60% pelajar tidak pernah melakukan ibadah sunat seperti puasa isnin dan khamis (Siti Mariam, 2002) malah 81% pelajar pernah terlibat dengan masalah salah laku

seperti ponteng kelas, vandalisme, mengambil dadah dan menonton bahan lucah (Asmahan, 2009; Nurul Atiqah, 2017).

Permasalahan yang dinyatakan di atas turut menjadi fenomena di Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. Terdapat pelajar yang masih tidak memahami konsep akidah dalam diri pelajar seterusnya menyumbang keruntuhan dalam pengamalan nilai Islam terutamanya dalam bab ibadah yang menjadi punca masalah sosial pelajar pada hari ini. Senario keruntuhan akhlak membawa kepada masalah tidak memunaikan solat fardu ponteng kelas, diikuti merokok dan bersikap kurang sopan dengan pegawai akademik dan pentadbiran di MATA. Selain itu perbuatan melepak, minum minuman keras, mengambil bahan terlarang, sumbang mahram, buli dan bergaduh juga berlaku dalam kalangan pelajar di MATA. Ketegangan kemelut masalah moral dan akhlak dalam kalangan pelajar ini sebenarnya telah terdapat dalam kajian-kajian lepas di lokasi yang berbeza (Hasna, 2012; Rahmat & Mohd Toriq, 2013; Seri Kartini, 2013; Syukri Ahmad, 2014; Siti Zaleha, 2014). Pengkaji merasakan wujud keperluan untuk menilai kembali tahap kefahaman dan pengamalan pelajar di MATA. Hal ini selaras dengan hasrat yang telah digariskan di dalam falsafah Pendidikan Islam yang bertujuan untuk melahirkan manusia yang bertanggungjawab kepada Allah ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Penghayatan terhadap nilai Islam ini selaras dengan aspirasi murni yang seharusnya dicapai dalam kehidupan pelajar sejajar dengan pelan pembangunan pendidikan malaysia 2013-2025 (PPM 2013-2025) bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pegangan agama yang kuat serta mengamalkannya sebagai asas hidup dan mendukung nilai moral yang tinggi.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap nilai Islam
- b) Mengenal pasti tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

- a) Apakah tahap kefahaman remaja berkenaan nilai Islam?
- b) Apakah tahap pengamalan remaja berkenaan nilai Islam?

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan Islam yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik (Cresswell, 2014). Seramai 169 orang pelajar dari kursus lesen kejuruteraan penyelenggaraan pesawat dan lesen juruteknik penyelenggaraan pesawat melalui teknik persampelan rawak mudah terlibat dalam kajian ini (Othman Talib, 2013). Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Ashraf Che Soh (2010) dan Sri Kartika, (2013) serta telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan Islam serta memperoleh nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alfa* sebanyak 0.93 yang dianggap nilai yang sangat baik (Nunnally, 1978). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif iaitu frekuensi, min (M) dan sisihan piawai (SD) dan perastusan dengan menggunakan perisian pengaturcaraan "IBM SPSS Statistics". Interpretasi tahap persepsi penerimaan murid dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tahap seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Tahap Kefahaman dan Pengamalan Nilai Islam

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber : Rudzi Munap (2003)

7.0 TINJAUAN LITERATUR

7.1 Masalah Kefahaman Dan Pengamalan Nilai Islam

Umum diketahui bahawa pelajar-pelajar yang masih belajar termasuk dalam kategori remaja yang sedang meningkat dewasa berusia 18 hingga 23 tahun (Svensson et al. 2012). Remaja sering dikaitkan dengan masalah walaupun daripada sifat semula jadi, remaja adalah zaman yang penuh bertenaga dan mempunyai potensi diri yang cemerlang. Masalah sosial dan jenayah yang membabitkan remaja hari ini benar-benar membimbangkan. Ketidakupayaan dan kegagalan mengatasi halangan ini menimbulkan pelbagai masalah. Alam remaja dikatakan sebagai saat yang rapuh kerana pada peringkat ini mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya menjerumuskan kepada perkara negatif (Buerah et al. 2015).

Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja di negara kita dicatatkan mengalami peningkatan dan sering dibincangkan dalam media sosial. Berdasarkan laporan Buerah et. al (2015), jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah yang terlibat dengan masalah delinkuen dilaporkan seramai 108,650 orang daripada 5.3 juta orang pelajar. 18,550 pelajar didapati terlibat dalam salah laku ponteng sekolah sekaligus penyumbang terbesar dalam perangkaan jumlah salah laku diikuti dengan salah laku yang lain seperti buli, bergaduh, memukul dan lain-lain lagi. Senario ini amat membimbangkan dan jika tidak diambil perhatian lebih serius, dikhuatiri skala pelajar yang terlibat dengan isu-isu delinkuen ini akan semakin meningkat dan menjadi lebih parah.

Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu. Hal ini, disokong oleh Malek Bennabi (1998) yang menyatakan bahawa keruntuhan nilai akhlak turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat. Remaja dengan mudahnya hilang jati diri dan mudah terjebak dalam kancah permasalahan sosial kesan dunia tanpa sempadan yang tidak dapat dielakkan. Abd. Rahim, Sufean & Che Hassan (2006) telah menggariskan beberapa faktor pendorong keterlibatan remaja dalam gejala sosial yang merosakkan antaranya disebabkan oleh perkembangan personaliti remaja, pengaruh rakan sebaya dan juga kegagalan fungsi institusi keluarga.

Aspek penghayatan agama dalam diri remaja juga sangat memainkan peranan penting dalam membendung masalah sosial daripada semakin membarah. Kajian Yahya (2004) menunjukkan bahawa penghayatan akidah dalam kalangan pelajar yang lemah menyebabkan mereka terlibat dalam gejala *black metal* serta perkara-perkara yang meruntuhkan akhlak. Bahkan Yusuf al-Qardhawi (2012) juga menjelaskan bahawa kekuatan akidah dan hubungan yang berterusan dengan Allah SWT dapat mengatasi masalah kemerosotan akhlak para pelajar. Persoalan akidah, ibadah dan akhlak menjadi perkara pokok mengapa Rasulullah SAW diutuskan, seterusnya menjadi panduan kepada pelajar untuk menghayati wahyu Illahi dan sunnah Nabi SAW dalam merealisasikan nilai Islam dalam kehidupan pelajar.

7.2 Kefahaman Dan Pengamalan Berasaskan Teori Al-Ghazali


Pendidikan Islam yang diajarkan kepada para pelajar di Malaysia bukan hanya sekadar perpindahan ilmu dari seorang guru kepada pelajar. Pendidikan Islam tujuan supaya ilmu yang disampaikan dapat diamalkan di dalam kehidupan. Terutama sekali pembelajaran berkaitan dengan kefahaman tentang ajaran Islam. Berkaitan perkara ini, teori al-Ghazali (1993) secara jelas menunjukkan berkaitan dengan ilmu yang dipelajari, mestilah diamalkan dengan baik. Menurut Wan Mohd Nor (1989) bahawa ilmu yang dipelajari sepatutnya diikuti dengan amal soleh yang membawa kepada ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa persepsi pengetahuan yang baik berkaitan ibadah sepatutnya disusuli dengan tahap amalan yang memuaskan dalam kalangan pelajar. Maka, sepatutnya pembelajaran yang diikuti oleh para pelajar di MATA diharapkan dapat melahirkan insan yang soleh dalam erti kata beramal dengan ilmu yang diperoleh. Hasilnya, kesepaduan ilmu dan amal dapat diterjemahkan dengan baik.

Berkaitan dengan teori ini, al-Ghazali (1993) turut mengaitkan dengan tujuan menuntut ilmu. Al-Ghazali (1993) menyebut bahawa nafsu sangat mencintai sesuatu yang dilarang dalam agama. Terutama bagi penuntut ilmu yang mencari ilmu dengan tujuan untuk mendapat kedudukan, menonjolkan kehebatan diri serta mengumpulkan kesenangan dunia semata-mata. Menurut beliau orang seperti ini akan menganggap bahawa ilmu yang diperoleh cukup menjadi sebab keselamatan dan kebahagiaannya serta tidak perlu beramal dengan ilmu yang diperoleh. Hasilnya, lahirlah golongan yang mempunyai ilmu yang tinggi, namun sikap dan akhlak yang ditonjolkan tidak selari dengan akhlak *mahmudah* sebagaimana yang dituntut. Hal ini kerana, ilmu yang diperolehnya tidak dapat memberi manfaat kepada dirinya sendiri. Berkaitan ini, Nabi SAW memohon kepada Allah SWT supaya dijauhkan dari ilmu yang tiak bermanfaat.

Al-Ghazali (1993) juga menambah berkaitan ilmu dan amal ini dengan manfaat yang akan diperoleh sekiranya ilmu yang dimiliki digunakan sebaiknya. Dalam hal ini al-Ghazali menyebut bahawa seseorang yang telah mengetahui beratus ribu masalah ilmu tetapi ia tidak beramal dengannya. Maka, seluruh ilmu yang dimilikinya tidak akan memberi faedah kepadanya walaupun sedikit. Seumpama seseorang yang memiliki pedang yang tajam. Kemudian dia didatangi singa yang menyerangnya, maka pedang yang dimiliki tidak akan bernilai sekiranya tidak digunakan. Demikianlah ilmu yang dimiliki. Al-Ghazali (1993) menyebut bahawa syarat untuk memperoleh rahmat Allah SWT adalah dengan mengamalkan ilmu-ilmu yang dimiliki. Menurut al-Ghazali (1993) di akhirat nanti, seseorang akan dimasukkan ke syurga dengan rahmat dan kemurahan Allah. Namun, untuk mendapatkan rahmat Allah mestilah melalui dengan ketaatan dan ibadah. Dengan kata lain bahawa amal yang dilakukan di dunia dengan ikhlas dan diterima oleh Allah barulah seseorang itu layak mendapat rahmat dan kemurahan untuk memasuki syurga Allah. Al-Ghazali (1993) juga menyebut di dalam kitabnya “*Ayyubal Walad*” berkaitan ilmu dan amal bahawa seseorang yang beramal tanpa ilmu adalah sia-sia dan seseorang yang berilmu tetapi tidak beramal adalah gila. Pandangan ini menunjukkan bahawa seseorang yang rajin beramal tetapi tidak mengetahui dengan betul berkaitan sesuatu amalan yang dikerjakan adalah sia-sia. Beliau juga menambah bahawa, ilmu yang dimiliki oleh seseorang belum mampu menjauhkan seseorang daripada maksiat dan belum mampu mendorong seseorang melakukan ketaatan dan ilmu tersebut belum mampu dapat menjauhkan dirinya daripada api neraka sekiranya mereka tidak melaksanakan ajaran agama sebagaimana yang diketahui.

Al-Ghazali (1998) juga menambah berkaitan dengan konsep ilmu dan amal bahawa, perkataan dan perbuatan yang dilakukan mestilah sesuai dengan syarak. Beliau juga menambah bahawa ilmu dan amal yang tidak sesuai dengan syarak adalah sia-sia. Berkaitan dengan perkara ini, al-Ghazali (1998) telah membahagikan konsep ilmu kepada ilmu yang bermanfaat dan juga ilmu yang tidak bermanfaat. Seseorang yang menuntut ilmu mestilah menjaga dan memelihara daripada menuntut ilmu yang bercanggah dengan syarak. Al-Ghazali (1998) menyebut bahawa antara ilmu yang tidak terpuji adalah sihir dan *talasim* (tangkal dan azimat). Kedua-duanya menimbulkan pelbagai bahaya. Teori ilmu dan amal yang diketengahkan oleh Al-Ghazali (1993) ini menengahkan kesepaduan ilmu iaitu gabungan di antara ilmu, amal dan iman. Ketiga-tiga konsep ini diperlukan supaya ilmu yang dipelajari dapat diamalkan dengan baik. Mengikuti beberapa karya al-Ghazali (1993 & 1998) beliau menyatakan dengan jelas bahawa ilmu yang bermanfaat adalah ilmu yang mampu mendekatkan diri kepada Allah SWT. Seseorang yang menuntut ilmu, tetapi hubungannya dengan Allah SWT semakin jauh, maka ketahuilah bahawa ilmu tersebut adalah sia-sia. Begitu juga yang disebut oleh Adibah et al. (2016) bahawa kegagalan seseorang untuk mengakui kepentingan dan kaitan antara elemen ilmu, akal dan agama akan membawa kepada penyelewengan dalam tingkah laku dan amalan, serta kegagalan memahami peranannya yang sebenar terhadap agama, bangsa dan negara. Dalam konteks pengamalan solat di kalangan pelajar, penggabungan antara ilmu dan amal yang dipelopori oleh Al-Ghazali sekiranya gagal dihayati oleh para pelajar, maka lahirlah insan yang memandang ringan akan kewajipan menunaikan solat kepada mereka. Secara ringkasnya teori ini menekankan konsep ilmu yang diperoleh mestilah diterjemahkan kepada amalan. Pemisahan di antara ilmu dan amal mencerminkan pembelajaran yang diterima adalah sia-sia dan tiada nilainya di sisi Allah SWT.

Merujuk kepada kajian yang dijalankan ini, tahap kefahaman dan pengamalan yang dipelajari oleh pelajar bermula dari seawal bangku sekolah mestilah disusuli oleh pelaksanaan yang sempurna. Oleh yang demikian, pelajar mestilah mengetahui mengenai kepentingan dan kewajipan yang merupakan suatu kefarduan ke atas diri mereka. Diharapkan kefahaman yang dimiliki mampu menjadikan mereka mengamalkan nilai Islam secara istiqamah di dalam kehidupan.



Rajah 1 Teori Ilmu dan Amal al-Ghazali (1993)

7.3 Nilai-Nilai Islam

Nilai bermaksud kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian dari sudut pemikiran, agama dan kemasyarakatan Kamus Dewan (1994). Istilah nilai boleh difahami dalam tiga konteks iaitu kuantitatif, sifat dan aksiologi (Zdzislaw Najder 1975). Dalam bahasa Inggeris nilai diungkapkan dengan istilah value (Oxford Advanced Learner's Dictionary, 1994), kerana ia sering dikaitkan dengan apa-apa yang perlu ada di dalam jiwa manusia. Nilai ialah sesuatu yang abstrak Ahmad Atory Hussain (1986), yang terdapat dalam sanubari manusia dan terjelma pada sistem sosial (Neil J. Smelser dan Paul B. Batles 2001). Abstrak di sini bermaksud tidak dapat dilihat, dipegang dan tidak boleh dirasai oleh manusia (Atory 1986). Nilai yang terdapat pada seseorang terbina melalui faktor dan situasi yang pelbagai di sepanjang proses kehidupan yang dilalui oleh individu (Wan Sabri Wan Hussin 2002).

Nilai juga diistilahkan sebagai moral (Ghazali Darusalam, 2001), tetapi tidak semua moral itu mempunyai nilai (Abdul Rahman, 1999). Sesuatu perlakuan yang baik dianggap sebagai bermoral sekiranya mendapat pengiktirafan daripada orang lain. Hal ini disebabkan moral mementingkan hubungan sesama manusia serta berdasarkan sentimen masyarakat setempat Ghazali Darusalam (2001), contohnya terdapat sebuah masyarakat yang menganggap arak adalah baik untuk tujuan memanaskan badan di negara-negara sejuk dan pengambilannya tidak salah. Maka ia dianggap perbuatan yang bermoral. Keadaan ini berbeza dengan negara-negara Islam dan agama Islam itu sendiri kerana arak itu diharamkan (Abdullah Basmieh, 2010; 16:67; 2:219; 4:43; 5:90) walaupun ada yang beranggapan arak itu mempunyai 'manfaat' tersendiri (Abdullah Basmieh, 2010; 2:219).

Nilai dari perspektif Islam merangkumi keseluruhan aspek kehidupan insan, termasuklah kedudukan, sosial, jawatan, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kebudayaan dan seterusnya kepada hubungan antarabangsa (Al-Mu'jam al-Wasit 1973). Tonggak kepada segala nilai Muslim adalah berpusat kepada akidah dan syariat berlandaskan kepada suruhan Allah sebagaimana ikrar mereka di dalam solat yang bermaksud: "bawasanya solatku, tingkah lakuku, hidupku dan matiku adalah semata-mata kerana Allah sekalian alam Al-Qur'an (Abdullah Basmieh, 2010; 6:162). Berasaskan kepada maksud nilai di atas, persoalan ini boleh di katakan sebagai satu sistem yang baik, berguna dan bermanfaat kepada semua manusia. Nilai ini perlu dididik, dicari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Nilai boleh berubah dengan adanya didikan daripada pihak lain. Untuk mencapai matlamat ini, nilai-nilai yang baik perlu diamalkan secara berterusan untuk menghasilkan individu yang mengamalkan gaya hidup berakhlak dan beretika dalam kehidupan.

Nilai-nilai Islam mempunyai peranan tersendiri untuk membangunkan pelajar dari sudut lahiriah dan sahsiah diri mereka. Antara peranan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka ialah: amanah berperanan menghindarkan pelajar daripada melanggar larangan dan suruhan Allah. Sebagai contoh nilai amanah akan melahirkan sikap yang jujur, berhemat, cermat, jimat, tidak membazir, tidak mencuri, merompak dan melakukan segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan. Malah mereka akan merasa malu kepada Allah apabila melakukan segala perbuatan yang tidak jujur (Khairul Hamimah et al. 2012). Nilai tanggungjawab akan membentuk pelajar yang sentiasa memperkukuhkan iman kepada Allah dengan melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Hal ini akan melahirkan pelajar yang mempunyai misi, objektif dan matlamat dalam kehidupan dengan merancang dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Jiwa mereka akan berani mempertahankan kebenaran kerana Allah SWT (Khairul Hamimah et al. 2012).

Nilai ikhlas melahirkan pelajar yang mempunyai jiwa murni, bersih, meletakkan matlamat tugas atau ibadah sehariannya semata-mata untuk Allah SWT dengan tidak mempunyai kepentingan tertentu, mempunyai niat yang jujur dan bersikap positif sekiranya mendapat kritikan daripada orang lain (Mustafa Kamal Pasha, 2002). Bertepatan dengan al-Ghazali (1959) yang menyatakan ikhlas itu adalah segala perbuatan yang dikerjakan hanyalah untuk Allah SWT dan hati manusia yang ikhlas tidak akan terkesan dengan pujian dan kejian. Secara tidak langsung nilai ini juga akan membentuk menjadi hamba yang istiqamah, berani (Abdullah Basmieh, 2010:20:72) memperolehi ketenangan dalam hidup, terhindar daripada keburukan di dunia (Abdullah Basmieh, 2010:12:24), malah syaitan sendiri tidak mampu menguasai mereka (Abdullah Basmieh, 2010:15:39).

Dalam konteks penghayatan nilai Islam, keperibadian sahsiah yang terpuji terbentuk apabila wujudnya asas yang tertanam dalam jiwa seseorang pelajar. Menurut Hassan Langgulung (1988) asas tersebut dinamakan penghayatan nilai Islam yang dipelajari dalam pembelajaran dan diamalkan untuk memberi kesan dalam kehidupan. Penghayatan menurut Hassan Langgulung (1988) merupakan pemanduan sikap, kepercayaan, nilai-nilai kedalam sahsiah seseorang. Menurut al-Nahlawi (2008) asas penghayatan terhadap nilai Islam mesti bermula dari akidah, ibadah dan akhlak. Said Hawa (2009) menyatakan akidah merupakan iktikad, kepercayaan yang teguh untuk membangunkan jiwa dan menjadi sebagai cara hidup yang baik dan sejahtera. Ibadah menurut al-Qardhawi (1995) merupakan ketaatan dan kepatuhan dalam sesuatu perbuatan untuk dipersembahkan kepada Allah SWT. Akhlak merupakan perkara yang berkaitan

tingkah laku dan budi pekerti (Abdullah 1981; Jabir 1996). Menurut al-Ghazali (1976) akhlak merupakan proses jihad melawan dorongan nafsu jahat yang melibatkan proses muhasabah diri. Kombinasi akidah, ibadah dan akhlak akan mengimbangi manusia dan membentuk penghayatan yang terpuji (Awang Nazudin et al. 2017).

Menurut Ulwan (2012) penghayatan nilai Islam merupakan pendidikan yang memfokuskan kepada dasar-dasar moral dan keutamaan perangai, tabiat yang harus dimiliki dan dijadikan kebiasaan oleh anak sejak kanak-kanak sehingga mukallaf. Hal ini mampu membangunkan sahsiah melalui pembangunan seseorang insan itu dari aspek jasmani, naluri, akal dan kerohanian yang merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Qur'an, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti dan pembangunan jiwa dan hati (al-Ghazali, 1976). Menurut Hamka (1998) pula dalam proses pembangunan modal insan perkara pertama yang wajib dibangunkan adalah kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT (Akidah), kemudian diikuti dengan kesedaran dan amalan tanggungjawab dalam ibadah, dan amalan sosial manusia kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Siti Muflichah (2014) menjelaskan dalam membangunkan karakter pelajar, mereka hendaklah dididik untuk memahami dan menghayati nilai-nilai perilaku manusia yang berhubungan dengan Allah SWT, diri sendiri, sesama manusia, masyarakat, negara dan budaya. Menurut Siti Muflichah (2014) lagi, nilai-nilai ini perlu wujud dalam fikiran, sikap, perasaan, perkataan, dan perbuatan pelajar berdasarkan ajaran agama, hukum, tatasusila, budaya, dan adat istiadat supaya pembangunan karakter mulia dalam diri pelajar dapat dibangunkan secara holistik. Justeru, pembentukan peribadi pelajar seharusnya melalui proses pengukuhan diri kepada Allah SWT (akidah), ibadah dan akhlak sejajar dengan hasrat KPT yang mengharapkan penghayatan nilai Islam akan memberi panduan dalam membentuk dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri pelajar terhadap Pencipta, manusia dan alam.

8.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan empat soalan kajian yang dinyatakan.

8.1 Profil Sampel Responden

Sampel kajian terdiri daripada 169 orang pelajar yang menuntut di Malaysian Aviation Training Academy. Sebanyak 2 buah kursus terlibat sebagai sampel responden. Jadual 2 menunjukkan latar belakang sampel kajian yang terlibat secara lebih terperinci.

Jadual 2 Latar belakang demografi responden kajian

Latar belakang demografi	Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	140	82.8
	Perempuan	29	17.2
Kursus	Lesen kejuruteraan penyelenggaraan pesawat (Cat B1.1)	53	31.4
	Lesen juruteknik penyelenggaraan pesawat (Cat A1.1)	116	68.6
Tempat tinggal	Bandaraya	26	15.4
	Bandar	93	55
	Luar bandar	50	29.6

Berdasarkan jadual 2, seramai 140 orang (82.8%) pelajar lelaki dan 29 orang (17.2%) pelajar perempuan yang mengikuti pembelajaran di Malaysian Aviation Training Academy (MATA). Dalam kajian ini, 53 orang (31.4%) adalah pelajar yang menjalani program lesen jurutera penyelenggaraan pesawat dan 116 (68.6%) adalah pelajar yang mengikuti program lesen juruteknik penyelenggaraan pesawat. Manakala, seramai 26 orang (15.4%) peserta kajian berasal dari kawasan Bandaraya, 93 orang (55%) peserta kajian berasal dari kawasan bandar dan 50 orang (29.6%) peserta kajian berasal dari luar bandar.

8.2 Persoalan Kajian

1. Apakah Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Nilai Islam.

Jadual 3 Tahap kefahaman pelajar terhadap nilai Islam

	Mean	SD	Tahap
Tahap kefahaman	4.78	0.24	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3, tahap kefahaman pelajar terhadap nilai Islam ($M=4.78$, $SD=0.24$) berada pada tahap tinggi. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap nilai Islam berada pada tahap tinggi dan dapatan ini seiring dengan kajian kajian Mohd Ashraf Che Soh (2010), Mohd Khairi (2016), Nurul Atiqah (2017) yang mana kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang baik dan tinggi terhadap nilai Islam. Pendapat Nur Faridah (2016) dan Nor Hayati (2016) bertentangan dengan pendapat Mohd Ashraf Che Soh (2010), Mohd Khairi (2016), Nurul Atiqah (2017) yang menjelaskan semua pelajar didapati pengetahuan dan kefahaman yang baik dan tinggi terhadap nilai Islam.

2. Apakah Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Nilai Islam.

Jadual 4 Tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam

	Mean	SD	Tahap
Tahap pengamalan	3.59	0.35	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4, tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam ($M=4.17$, $SD=0.36$) berada pada tahap sederhana. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam berada pada tahap sederhana dan dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Hasna (2012), Syukri Ahmad (2014), Siti Zaleha (2014) yang menjelaskan bahawa pengamalan nilai Islam masih lagi tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan hasil kajian Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham (2013) yang mendapati pengamalan ajaran Islam berada pada tahap yang tinggi.

9.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tahap kefahaman pelajar Malaysian Aviation Training Academy memberi kesan yang positif terhadap nilai. Hal ini dapat membuktikan bahawa kefahaman yang baik dalam kalangan pelajar mampu menjadikan seseorang pelajar itu untuk memahami kepatuhan dan keyakinan terhadap ajaran Islam. Sekaligus, membuktikan hasrat dan matlamat yang terkandung di dalam pembelajaran ibadat yang memfokuskan kepada penghayatan ibadat dengan memberikan kefahaman dan persepsi pengetahuan sebagaimana yang digariskan oleh Allah S.W.T (KPM 2002). Kefahaman menunjukkan pelajar tahu dan faham bahawa perkara berkaitan akidah merupakan suatu perintah yang wajib diyakini bagi setiap mukalaf. Kefahaman pengetahuan berkaitan nilai-nilai Islam ini secara tidak langsung akan memberi kesedaran akan tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh pelajar sebagai hamba Allah SWT yang beriman. Namun begitu, tahap pengamalan dan amali dalam kehidupan pelajar tidak seperti yang diharapkan oleh pengkaji, hasil dapatan kajian ini berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini membuktikan para pelajar masih lagi belum mampu melaksanakan amalan-amalan ibadah dengan baik dan sempurna sebagaimana yang dituntut. Kelompongan dan pengabaian dalam amalan ibadah seperti solat fardu, ibadah puasa sunat, layanan kepada ibu bapa dan sikap kepada pensyarah memerlukan kepada bimbingan dan perhatian semua pihak. Justeru, kajian ini memberi maklumat kepada para pentadbir dan para pensyarah untuk mempertingkatkan lagi kaedah dan pendekatan dalam mendidik. Justeru penghayatan nilai Islam ini sangat berkait rapat faktor dalaman pelajar yang merangkumi sikap, keimanan dan keperihatian seharusnya berada ditahap yang baik dalam melahirkan pelajar yang bukan sekadar faham dari sudut teori sahaja malah mampu membuktikan dengan mempraktikkan dalam amalan agar terpelihara dari segala gejala sosial. Implikasi kajian ini mencadangkan kepada seluruh kolej-kolej swasta untuk mengukur tahap kefahaman dan pengamalan terhadap nilai Islam dalam kalangan pelajar dengan memaparkan sumber maklumat kepada pihak KPT, pihak IPTS untuk membantu dan bekerjasama dalam mengintegrasikan pendekatan-pendekatan yang terbaik dalam membangunkan sahsiah pelajar. Sehubungan itu, tahap kefahaman dan pengamalan nilai Islam melibatkan sampel kajian berdasarkan jantina, lokasi di tempat lain dan melihat hubungan antara kefahaman dan pengamalan serta faktor-faktor yang boleh mempengaruhi mengamalkan nilai Islam

dikembangkan dengan menyentuh aspek yang berbeza bersesuaian dengan lanskap persekitaraan pendidikan di Malaysia bagi melahirkan satu gambaran yang menyeluruh terhadap penghayatan nilai Islam.

10.0 RUJUKAN

- A. Mustafa. 1999. Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan. 2006. Krisis & Konflik Institusi Keluarga. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Md. Aroff (1999), Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 4.
- Abdullah Basmeih. 2010. Tafsir Pimpinan Al- Rahman Kepada Pengertian Al- Quran. Edisi 14. Kuala Lumpur : Darul Fikri.
- Abdullah Ishak. 1995. Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1981. 'Tarbiyyah Aulad Fi Islam, Juzuk Awwal. Beirut: Darul Salam Li 'Tiba'ah Wa Nasyri Wa al-Tauzi'.
- Adibah Sulaiman. Mohamad Ezad Azraai Jamsari Dan Nurliyana Mohd Talib. 2016. Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi The Concept of Knowledge According to the Perspective of Syed Sheikh Ahmad al-Hadi, *Islamiyyat*, 38(2) 2016: 93 - 102 38(2), 93–102.
- Ahmad Atory Hussain (1986), *Tingkah Laku Organisasi dalam Pengurusan Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 113.
- Ahmad Diniah Hj. Ihsan. 1995. Penghayatan Nilai Akhlak dalam Pendidikan Islam di Kalangan Pelatih-pelatih Islam Maktab Perguruan Teknik (MPT) Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali, A. H. M. M. 1976. *Ihya' 'Ulum Al- Din*. Cairo: Mu'assassa al- Halabi wa- Sharaka li'-Nashr wa'l-Tawzi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1993. *Ayyuhal-Walad*. Kaherah: Dar Al-Tawzi' Wa Al-Nasr Al-Islamiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum Al- Din*, J.5. Kaherah : Maktabah Misr.
- Al-Ghazali. 1959, *Ayyuhā al-Walad*, cet. 2, Beirut: al-Lajnah al-Dawliyyah li Tarjamat al-Rawāi', h. 43.
- Al-Ghazali. 2005, *Letter to a Disciple: Ayyuhā al-Walad*, Tobias Mayer, Cambridge: the Islamic Texts Society, h. 41.
- Alias Mat Saad. 2010. Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Mu'jam al-Wasīf. 1973, Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, h. 577.
- Al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman. 2008. Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat. Terj. Shihabuddin. Jakarta: Gema Insanai Press.
- Al-Qardhawi, Yusof. 1995. *Ibadah dalam Islam*. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Asmahan Mokhtar. 2009. Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Nazarudin Awang Drahman. Maimun Aqsha Abdin Lubis. Mohd Isla Hamzah. 2017. Amalan kerohanian membentuk disiplin pelajar. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017).
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari*. 7 (2): 11-30.
- Fauzi Abd Majid. 2003. Pengaruh Persekitaran Keluarga dan Sekolah Terhadap Penghayatan Islam Pelajar: Kajian Kes Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Serdang. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Darusalam 2001, *Kursus Tamadun Islam dan Pendidikan Moral: Nilai-nilai Moral dalam Pelbagai Aspek, Apresiasi Moral dan Badan-badan Dunia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 75.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan : Amalan Dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hamka. 1998. *Lembaga Hidup*. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Hasna Bidin. 2016. Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Tesis Sarjana Falsafah Fakuti Tamadun Islam. Univrsiti Teknologi Malaysia.

- Hassan Langgulung. 1988. Pendidikan Islam menghadapi abad 21. Shah Alam: Hizbi Publication.
- Jabir Qamihah. 1996. Nilai-Nilai Islam Satu Pengenalan. (Terj.) Mudasir Rosder dan Mohd. Zawawi Abdullah. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Kamus Dewan (1994), ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 930.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian, Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2006 – 2010. (Edisi Pelancaran). Kuala Lumpur: Kpm
- Malek Bennabi. 1998. On the Origins of Human Society. London : The Open Press, 1998.
- Mohd @ Mohamed Mohamed Zin. 2000. Faktor-faktor yang Mendorong ke atas Penghayatan Islam di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Teknikal. Disertasi Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ashraf Che Soh @ Yusoff. 2010. Pengamalan Nilai-Nilai Islam dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Kamal Pasha. 2002, Qalibun – Salim Hiasan Hidup Muslim Terpuji, Jogjakarta: Citra Karsa Mandiri, h. 182.
- Najati, Muhammad Uthman. 1993. Al-Hadith al-Nabawiy wa ‘Ilmu al-Nafs. Beirut : Dar al Syuruq.
- Neil J. Smelser dan Paul B. Batles (ed.) (2001), International Encyclopedia of the Social and Behavioral Science, vol. 8, Amsterdam: Elsevier, h.16151.
- Nor Hayati Bt Ab.Ghani @ Rani. 2017. Pengetahuan tentang solat, amalan solat fardhu dan penghayatan akhlak dalam kalangan murid tingkatan empat daerah Batang Padang, Perak. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunnally, J.C. 1978. Psychometrie Theory (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Nurul Atiqah. 2017. Hubungan Budaya Persekitaran Terhadap Penghayatan Nilai-Nilai Akhlak Islam dalam Kalangan Mahasiswa. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Talib. (2013). Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Oxford Advanced Learner’s Dictionary, ed. ke-7, New York: Oxford University Press, h. 1631-1632.
- Rudzi Munap, 2003. Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif Di Universiti Teknologi Mara, Tesis Dok. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said Hawa. Muhammad. 2009. Sinaah al-syabab .Cetakan Kedua. Darul al-Salam.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. 2013. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Islamiyyat 35(1.)
- Shukri Ahmad 2014. Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. Prosiding Sains Sosial, Kota Kinabalu : Sabah.
- Siti Mariam Samat. “Tahap Pengawasan Pihak Pengurusan Politeknik di Dalam Mengurangkan Gejala Sosial di Kalangan Pelajar”. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana, 2002.
- Siti Muflichah. 2014. Implementasi Pendidikan Karakter Di Sekolah. Jurnal Addin 3(1): 1 - 17.
- Siti Zaleha. 2014. Gaya Hidup remaja dan hubungannya dengan pengamalan Islam di bandar baru permas jaya, johor bahru. Tesis sarjana. Universiti kebangsaan malaysia.
- Svensson, Y. et al. 2012. “Peer Selection and Influence of Delinquent Behavior of Immigrant and Non-Immigrant Youths: Does Context Matter?” International Journal of Behavioral Development, 36(3), ms.178-185.
- Syed Muhammad Al-Naquib al-Attas. 1984. The Concept Of Education In Islam: Framework For An Islamic Philosophy Of Education (Konsep Pendidikan Didalam Islam). Terjemahan : Haidar Bagir, Mizan Bandung.
- Ulwan, A.N. 2012. Pendidikan Anak Dalam Islam. Jawa Tengah: Penerbit Insan Kamil.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1989. Konsep Ilmu Dalam Islam. Pulau Pinang .Sinaran Bros Sdn Bhd.
- Wan Sabri Wan Hussin. 2002, “Nilai dan Etika Islam dalam Perniagaan: Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia”, Tesis Kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya, h. 114.
- Yahya Ibrahim. 2004. Etiologi Masalah Sosial: Kajian terhadap Remaja di Sungai Petani, Kedah. Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia. 2004. 20: 47-66.
- Yusuf al-Qardhawi. 2012. Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan. Terj. Ustaz Mohamad Zaini Yahaya. Penerbitan Seribu Dinar.

- Zaharah Hussin. 1997. Keperluan corak penampilan baru buku teks Pendidikan Islam. Jurnal Pendidikan 20. Kuala Lumpur.
- Zakiah Daradjat. 1992. Ilmu Pendidikan Islam. Jakarta: Bumi Aksara.
- Zdzislaw Najder. 1975, Values and Evaluation, Oxford: Clarendon Press, h. 42.